

05 JAN 1997

NCWO-Memorandum

NCWO CADANG BADAN BEBAS AWASI PERUNDANGAN KELUARGA ISLAM

KUALA LUMPUR, 5 Jan (Bernama) -- Penubuhan satu badan pemerhati bebas di setiap negeri bagi mengawasi hal ehwal perundangan keluarga Islam serta membantu pihak teraniaya dalam sesuatu keluarga, ialah antara cadangan yang akan dikemukakan kepada Perdana Menteri.

Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita (NCWO) yang menyerahkan memorandum berhubung poligami kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 11 Dis lepas, kini menghasilkan satu lagi memorandum mengandungi 11 cadangan untuk pertimbangan kerajaan dalam menangani ketidakadilan dan kelemahan perundangan keluarga Islam di negara ini.

Memorandum mengenai Reformasi Undang-undang Keluarga Islam dan Pentadbiran Keadilan Dalam Sistem Syariah di Malaysia itu menyatakan bahawa badan badan itu akan ditugaskan mengawasi kursus-kursus kekeluargaan anjuran pihak berkuasa agama agar ianya memberi gambaran tepat dan saksama tentang hak dan tanggungjawab lelaki dan wanita dalam keluarga.

NCWO berkata penjelasan yang diberikan dalam memorandum itu berhubung keperluan penubuhan badan sedemikian adalah berikutan kecenderungan hakim Mahkamah Syariah dan kakitangan pejabat agama negeri bersikap negatif terhadap wanita yang menghadapi masalah rumahtangga.

"Masih terdapat tanggapan bahawa wanita merupakan punca sesuatu masalah rumahtangga dan mereka dinafikan haknya berbanding kaum lelaki," kata wakil Persatuan Peguam-peguam Wanita Noor Farida Ariffin pada bengkel anjuran NCWO berhubung Reformasi Undang-undang Keluarga Islam Serta Pelaksanaan dan Pentadbirannya di sini semalam.

Bengkel itu mengesahkan kandungan memorandum itu di samping mengemukakan beberapa cadangan tambahan kepada draf yang dirangka oleh Persatuan Peguam-peguam Wanita dan sebuah pertubuhan wanita, Sisters In Islam.

Menurut Presiden Sisters In Islam Salbiah Ahmad, bengkel berkenaan merupakan pertemuan julung kalinya bagi wanita-wanita Islam membincangkan masalah perundangan keluarga Islam dan menjadi satu platform bagi wanita bersuara mengenai isu-isu rumahtangga seperti poligami dan perceraian, serta peruntukan undang-undang berkaitan.

Cadangan lain dalam memorandum itu termasuk menyeragamkan undang-undang keluarga Islam di setiap negeri bagi mengatasi perbezaan yang wujud kini terutamanya dalam peruntukan poligami dan perceraian selain cadangan agar kurikulum kursus pra-perkahwinan dikaji semula dengan memberi penekanan kepada tanggungjawab bersama suami dan isteri, di samping menyediakan garis panduan kepada penceramah kursus.

Terdapat juga satu cadangan mewujudkan sistem pendaftaran berkomputer bagi mengumpul maklumat status perkahwinan lelaki Islam di negara ini selain syor penubuhan sebuah Majlis Peguam Syariah Persekutuan sebagai badan mewakili dan mengawalselia peguam-peguam Syariah.

Cadangan lain termasuk membolehkan wanita dilantik sebagai hakim Mahkamah Syariah, cadangan kelayakan minimum bagi seseorang diterima sebagai Hakim Syariah serta meningkatkan organisasi dan pentadbiran mahkamah Syariah. -- BERNAMA

RAZ